

**TEKS PERBAHASAN  
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022  
PENGAL PERTAMA**

Selamat pagi dan salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan rakan-rakan perwakilan Sidang Muda penggal pertama. Semoga rakan-rakan persidangan sekalian mampu sama-sama berjuang demi manfaat negeri kita yang tercinta ini.

**Bayaran PBT (Kerajaan Tempatan)**

Tuan Yang Dipertua,

Sistem undang-undang negara kita adalah berasaskan kesaksamaan, iaitu 'equality', di mana setiap individu menerima layanan yang sama rata tidak kira warna kulit, agama, mahupun kelas. Misalnya, tawaran bayaran kompaun bagi kesalahan meletak kereta adalah ditetapkan pada kadar RM 30.00. Masalahnya, RM 30 mempunyai nilai yang berbeza bagi individu yang berbeza pendapatan. Sebagai contoh, harga sekilo ayam kini mencecah RM 10.00. Maka, RM 30.00 itu boleh membeli 3 kilogram ayam. Ditambah pula dengan kadar inflasi yang semakin meruncing dan rantaian keselamatan makanan negara yang semakin terancam susulan beberapa peristiwa global, maka kos sara hidup semakin melonjak. Seorang golongan B40 sudah tentu akan lebih terkesan akibat kompaun tersebut berbanding golongan T20.

Justeru, **saya mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri serta kerajaan tempatan agar melaksanakan subsidi bersasar untuk kadar kompaun bagi kesalahan trafik.** Kadar kompaun ini adalah mengikut pendapatan masing-masing. Sistem ini bukan sahaja lebih adil bagi golongan bawahan yang sudah bergelut untuk mencari rezeki, malah mampu memberi kesedaran kepada golongan atasan bahawa mereka bukan bebas daripada kawalan undang-undang. *The working class break their backs building this country, let's not punish them further than is necessary.* Biar Pulau Pinang menjadi pemangkin kepada usaha untuk mengatasi persepsi bahawa sistem perundangan adalah bersifat dua darjat.

**Bekalan air (Ketua Menteri)**

Sidang Muda 2022 | Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang

Tuan Yang Dipertua,

Sumber bekalan air yang mencukupi penting bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi negeri. Namun, sumber air di Pulau Pinang kerap bertindih dengan kepentingan ekonomi negeri Kedah. Menteri Besar Kedah sebelum ini telah menuntut bayaran daripada kerajaan Pulau Pinang bagi penggunaan air mentah dari Sungai Muda. Menurut beliau, tindakan tersebut bertujuan membaiki infrastruktur bekalan air bagi menjamin bekalan air untuk rakyat Kedah sendiri. Justeru, **apakah perkembangan dalam konflik isu air antara kerajaan Pulau Pinang dengan kerajaan negeri Kedah?**

### **Bekalan Darah (Kesihatan)**

Memang tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti menderma darah merupakan satu aktiviti yang bermanfaat, bukan sahaja untuk penerima tetapi juga untuk penderma sendiri. Menurut KKM, satu pek darah mampu menyelamatkan 3 nyawa. Aktiviti tersebut juga mendatangkan pelbagai manfaat kesihatan kepada penderma sendiri, seperti mengesan masalah kesihatan, mengurangkan risiko strok dan penyakit jantung. Namun begitu, Hospital Pulau Pinang kerap mengeluarkan infografik bahawa bekalan darah adalah rendah. Oleh itu, **apakah tindakan kerajaan untuk meningkatkan lagi bilangan penderma darah di Pulau Pinang?**

### **Peningkatan Golongan B40 (Ekonomi)**

Pandemik COVID-19 telah memberi tamparan yang hebat kepada taraf sosioekonomi banyak keluarga. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, 580000 golongan M40 telah turun ke taraf B40 pada tahun 2021. Ini merupakan trend yang amat membimbangkan kerana ini menunjukkan bahawa makin ramai rakyat Malaysia yang jatuh ke dalam kancuh kemiskinan. Makin kecil golongan pertengahan di Malaysia. Persoalan saya, **berapakah golongan M40 yang jatuh ke dalam golongan B40 mengikut pecahan kawasan DUN di Pulau Pinang sejak awal tahun 2020? Apakah inisiatif kerajaan untuk membantu golongan tersebut?**

### **Penutup**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan wajar fokus terhadap isu fundamental, khususnya *bread and butter issues* dan ketidakadilan sosioekonomi yang timbul di Pulau Pinang.

Setelah dua tahun negara kita diserang bertalu-talu oleh pelbagai krisis politik, kesihatan, dan sosioekonomi, sudah tiba masa untuk kita mengembalikan keyakinan rakyat terhadap institusi kerajaan.

Sekian, terima kasih

**Lee Joe Sern**  
**N25 Pulau Tikus**  
**Sidang Muda 2022 Penggal Pertama**

